

# Sains, Matematik dalam Inggeris

MAY 11 1 MAY 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan ISMAIL DAUD

**K**UALA LUMPUR 10 Mei — Kerajaan membuat keputusan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris selain memperkenalkan Kesusasteraan Inggeris Semasa (kontemporari) di sekolah mulai tahun depan.

Kesemua mata pelajaran itu akan mula diajar di Tahun Satu di semua sekolah rendah yang kemudian diperluaskan secara berperingkat-peringkat sehingga ke sekolah menengah.

Proses ini akan mengambil masa 11 tahun sebelum kesemua mata pelajaran itu diajar sepenuhnya dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah.

Ketika ini, mata pelajaran yang diajar di Tahun Satu meliputi bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Kesihatan serta Pendidikan Agama dan Moral.

- Pelajar bumiputera di IPTS ditambah — Muka 2
- Ketua Puteri akan diiktiraf Naib Presiden UMNO — Muka 2

Langkah drastik itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Datuk OM di sini hari ini.

Bagaimanapun beliau berkata, langkah itu bukan bermaksud kerajaan mahu mengembalikan semula aliran Inggeris di semua sekolah kebangsaan seperti dilaksanakan sebelum ini.

Sebaliknya, ia bertujuan bagi membolehkan rakyat negara ini terutama bumiputera mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris yang merupakan bahasa utama dalam hal ehwal perhubungan antarabangsa.

Malah, beliau berharap tanggapan bahasa kerajaan cuba mengembalikan semula aliran Inggeris itu tidak timbul.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, MT

■ Lihat muka 4

## Sains, Matematik dalam Inggeris

sendiri menolak sebarang usaha ke arah itu sebab ia bertentangan dengan dasar pendidikan negara.

“Majlis Tertinggi berpendapat pelajaran Sains dan Matematik hendaklah dibuat dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar,” tegasnya.

Beliau berkata: “Oleh kerana kita (sekarang) menghadapi masalah guru dan kemudahan, semua ini akan diusahakan secepat mungkin. Kita ingin mulakan dari peringkat bawah iaitu darjah (tahun) satu di sekolah rendah,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsuddin ketika dihubungi *Utusan Malaysia* petang ini mengesahkan bahawa kerajaan akan melaksanakan rancangan itu mulai tahun depan.

Menurut beliau, kerajaan telah meluluskan cadangan kementerian untuk mengajar pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

“Ia akan dilaksanakan mulai tahun depan berserta pembelajaran Kesusasteraan Inggeris Semasa,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Pendidikan sedang menyediakan kursus kepada kira-kira 40 peratus daripada 300,000 guru di seluruh negara yang mahir dalam Bahasa Inggeris untuk menjayakan matlamat itu.

Perubahan mendadak yang berlaku dalam sistem pendidikan negara ini ekoran usaha kerajaan untuk menggalakkan rakyat menguasai bahasa Inggeris yang diberi penekanan oleh Dr. Mahathir sendiri sejak akhir-akhir ini.

Malah, ketika menunjukkan betapa seriusnya tekad kerajaan ke arah pencapaian matlamat itu, Perdana Menteri pada Isnin lalu menyatakan kesediaan kerajaan menimbang cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris sebagai pilihan jika rakyat mahu-kannya.

Kerajaan mendapati ketidakupayaan sesetengah pihak untuk berintegrasi dalam ekonomi & baru berpunca daripada kelemahan mereka menguasai bahasa Inggeris.

*Utusan Malaysia* baru-baru ini melaporkan mengenai desakan pelbagai pihak meminta kerajaan mewujudkan semula sekolah aliran

Inggeris sebagai pilihan selain beberapa pendekatan drastik lain bagi meningkatkan penguasaan bahasa tersebut di kalangan pelajar.

Desakan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris itu merupakan maklum balas kepada syor yang dikemukakan oleh *Awang Sulung* dalam *ruangan Bisik-Bisik* Mingguan *Malaysia*, Ahad lalu.

Dalam sidang akhbar hari ini, Dr. Mahathir berkata, sungguhpun MT berpendapat mengembalikan semula aliran Inggeris tidak secocok dengan dasar pendidikan, badan tertinggi parti itu masih menekankan kepentingannya sebagai bahasa ilmu untuk pelajar bumiputera.

Beliau menarik perhatian bahawa pembelajaran kesusasteraan Inggeris semasa, yang dibangkitkan MT sebenarnya bertujuan menyediakan pelajar bumiputera akan asas pemahaman bahasa Inggeris yang baik.

Ini terutama mencakupi aspek sehingga mereka boleh bertutur serta memshami bahasa Inggeris secara lebih mendalam.

“Kerana kita sekarang menghadapi masalah perlu berunding dengan negara-negara

lain berkenaan masalah dagangan dan perhubungan antarabangsa yang mana penguasaan bahasa Inggeris itu penting.

“Kadang-kala kita terpaksa menggunakan teks dalam perjanjian. Kalau kita tidak faham, mungkin kita akan terperangkap dengan perjanjian yang merugikan kita,” katanya.

Tegas Perdana Menteri: “Walaupun kita ingin menggunakan bahasa kebangsaan sebagai teks penuh, ia tidak akan diterima. Dalam perjanjian antarabangsa, biasanya penggunaan bahasa Inggeris menjadi penting bukan setakat boleh berkomunikasi sedikit tetapi boleh memahami sedalam-dalamnya”.

Justeru itu tegas beliau, kerajaan mahu memperkenalkan pelajaran Bahasa Inggeris secara serius dengan menggunakan kaedah dan pendekatan baru dalam aspek pembelajarannya.

Beliau menambah, penggunaan kurikulum baru ke arah pencapaian matlamat itu akan dilaksanakan biarpun ketika ini menghadapi masalah bilangan guru yang terlatih dalam bidang tersebut.